

Headline **KUALA LUMPUR**  
Date **10. Apr 2008**  
Media Title **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Circulation **217920**  
Readership **2083000**

Language **MALAY**  
Page No **13**  
Article Size **47** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**



## **KUALA LUMPUR**

### **Struktur semula dana**

**K**ementerian Pengajian Tinggi menstruktur semula dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai satu strategi memperkasa penyelidikan di institusi pengajian tinggi khususnya universiti penyelidikan supaya setanding universiti terkemuka dunia.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata penstrukturan semula itu berikutan sasaran peruntukan 1.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) berbanding hanya 0.49 peratus daripada KDNK pada RMK-8.

Beliau bercap pada Majlis Penyampaian Anugerah Penyelidik Cemerlang (APC) Universiti Putra Malaysia (UPM) 2007 di sini, malam tadi.